

NO SOALAN: 149

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN  
KETIGA BELAS(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI ABDUL AZEEZ BIN  
ABDUL RAHIM [BALING]**

**TARIKH : 17 JUN 2014 [ISNIN]**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peruntukan yang disalurkan kepada sekolah agama rakyat di kawasan Baling dan adakah Kerajaan bercadang untuk memberikan dana tambahan bagi memperbesarkan sekolah tersebut.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran dan pembangunan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri-negeri adalah tertakluk kepada Enakmen Pengawalan Sekolah-Sekolah Agama termasuk di negeri Kedah. Pihak Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Negeri ada

menyediakan peruntukan bagi membantu pengurusan SAR berdasarkan permohonan daripada pihak sekolah dari peruntukan semasa.

Kerajaan Persekutuan juga menyediakan peruntukan bagi SAR dari semasa ke semasa berdasarkan bajet tahunan. Peruntukan sebanyak RM50 juta telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Bajet 2014. Peruntukan ini bertujuan untuk pembangunan dan baik pulih SAR di seluruh negara yang disalurkan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bagi fasa pertama, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan sebanyak RM25 juta daripada RM50 juta yang diperuntukkan dalam bajet tersebut. Cadangan agihan bantuan pembangunan (pembaikan kecil dan baik pulih) kepada SAR bagi Daerah Baling adalah sebanyak **RM580,000** berdasarkan skala murid. Peruntukan fasa kedua akan disalurkan selepas peruntukan fasa pertama selesai dilaksanakan. Peruntukan dana tambahan tersebut boleh dipohon samada di peringkat Negeri atau Persekutuan melalui agensi-agensi yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.